



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**TAHAP PENCAPAIAN PIAWAIAN ASAS PUSAT SUMBER BAGI  
SEKOLAH SEKOLAH MENENGAH DAERAH GOMBAK NEGERI  
SELANGOR DARUL EHSAN. SATU TINJAUAN**

**ROSLINAH BINTI AB RAHMAN**

**FPP 1997 23**

**TAHAP PENCAPAIAN PIAWAIAN ASAS PUSAT SUMBER BAGI SEKOLAH-  
SEKOLAH MENENGAH DAERAH GOMBAK NEGERI SELANGOR DARUL  
EHSAN. SATU TINJAUAN**

Oleh  
**ROSLINAH BINTI AB RAHMAN**

**KERTAS PROJEK YANG DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI KEPERLUAN BAGI  
IJAZAH MASTER SAINS TEKNOLOGI PENDIDIKAN DI FAKULTI PENGAJIAN  
PENDIDIKAN UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA.**

**SEMESTER JULAI 1997.**



## PENGHARGAAN

**Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Penyayang.**

Alhamdulillah, syukur kehadrat Allah S.W.T kerana dengan izinNya jua dapat saya menyiapkan projek bertajuk: Hubungan Piawaian Asas Pusat Sumber Sekolah dengan pencapaian akademik sekolah. Satu tinjauan di sekolah menengah Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan.

Di sini saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Dr Naim Haji Ahmad di atas segala nasihat, bimbingan dan tunjuk ajar yang telah beliau berikan sepanjang kami menyempurnakan projek ini.

Terima kasih saya tujukan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung terutamanya pengetua, guru pusat sumber sekolah dan kakitangan sekolah yang telah memberikan kerjasama yang baik sepanjang perjalanan kajian ini. Juga Dr Zorah Ibrahim yang memberikan galakan untuk saya membuat kajian ini.

Ucapan terima kasih juga buat suami yang tercinta, permata bonda seramai 4 orang; Amir, Ili Najihah, Arif dan Afiq, yang terpaksa mengorbankan hari-hari dan saat-saat bersama kerana tugasani ini. Juga untuk bonda, ayahanda serta keluarga yang tidak pernah jemu-jemu mendoakan kejayaan anakmu ini. Semoga Allah memberkatinya.

KANDUNGAN	HALAMAN
PENGHARGAAN	1
KANDUNGAN	ii
SENARAI LAMPIRAN	iv
SENARAI JADUAL	v
SENARAI SINGKATAN	vi
ABSTRAK	vii
ABSTRACT	ix
 BAB I      PENDAHULUAN	 1
Latar Belakang Kajian	2
Pernyataan Masalah	7
Objektif Kajian	9
Persoalan Kajian	9
Kepentingan Kajian	10
Batasan Kajian	11
Definisi Operasional	13
Piawaian	13
Piawaian Asas Pusat Sumber Sekolah	13
Pusat Sumber Sekolah	15
Guru Pusat Sumber	16
Pengguna Pusat Sumber	16
Kadar Penggunaan	16
 BAB II      SOROTAN LITERATUR	 
Pendahuluan	17
Perkembangan Perpustakaan dan Pusat Sumber Sekolah di Negara-Negara Lain	18
Perkembangan Perpustakaan dan Pusat Sumber Sekolah di Malaysia	20
Pusat Sumber Pendidikan Negeri	27
Pusat Kegiatan Guru	28
Piawaian dan Pusat Sumber Sekolah	29
Piawaian Asas Pusat Sumber Sekolah Berdasarkan Piawaian Zorah	32
Pusat Sumber sekolah dan	

Pengajaran - Pembelajaran	41
Rumusan	45
<b>BAB III</b>	<b>KAEDAH DAN</b>
<b>PROSEDUR PENYELIDIKAN</b>	
Pendahuluan	46
Kaedah Penyelidikan	47
Tatacara Kerja	48
Kaedah Penyelidikan	48
Tempat dan Subjek Kajian	49
Alat Kajian	51
Pengumpulan Data	53
Penganalisaan Data	54
<b>BAB IV</b>	<b>DAPATAN KAJIAN</b>
Pengenalan	56
Tahap Piawaiuan	
Asas Pusat Sumber Sekolah	57
Pandangan Guru Pusat	
Sumber Terhadap Piawaian Asas	91
Sikap Guru Terhadap Penggunaan	
Pusat Sumber Sekolah	93
Kesimpulan	98
<b>BAB V</b>	<b>RUMUSAN, PERBINCANGAN</b>
<b>CADANGAN DAN KESIMPULAN</b>	
Pendahuluan	99
Objektif dan Persoalan Kajian	100
Piawaian Asas PSS Oleh Zorah	100
Kaedah Kajian	101
Dapatkan dan Perbincangan	102
Pandangan Guru PSS Terhadap Piawaian Asas	104
Sikap Guru-Guru Terhadap Penggunaan	
Pusat Sumber Sekolah	105
Cadangan	106

Kesimpulan	108
Biblografi	110

## SENARAI LAMPIRAN

- LAMPIRAN A: Surat Kebenaran Penyelidikan dari Kementerian Pendidikan  
LAMPIRAN B: Surat Pengesahan Piawaian Asas dari Perpustakaan Negeri Selangor  
dan Perpustakaan Sultanah Zanariah UTM  
LAMPIRAN C: Senarai Sekolah Menengah daerah Gombak  
LAMPIRAN D: Surat kepada guru pusat sumber sekolah  
LAMPIRAN E: Surat pengesahan penyelidikan dari guru pusat sumber sekolah  
LAMPIRAN F: Alat kajian Set Soalan Satu dan Set Soalan Dua

## VITA PENGESAHAN

## SENARAI JADUAL

<u>Jadual</u>	<u>Mukasurat</u>
1. Koleksi bahan; buku, majalah, akhbar dan risalah.....	60
2. Nisbah pelajar : bahan buku, majalah, akhbar dan risalah .....	63
3. Koleksi bahan; kaset video, slaid, kit, dan kaset audio.....	65
4. Nisbah pelajar : bahan kaset video, slaid, kit, dan kaset audio....	68
5. Koleksi bahan; model, lutsinar dan nisbah pelajar: bahan.....	69
6. Koleksi perabut; kerusi, meja, meja perbincangan dan karel.....	72
7. Saiz perabut; kerusi, meja.....	74
8. Saiz perabut; meja perbincangan dan karel.....	75
9. Perabut; rak buku, rak katalog, rak video dan rak slaid.....	76
10. Saiz perabut; rak buku, rak katalog dan rak video.....	77
11. Perabut; rak majalah, kaunter sirkulasi, troli slaid dan troli OHP...	78
12. Saiz Perabut; rak salid, rak majalah dan kaunter sirkulasi.....	80
13. saiz perabut; troli slaid dan troli OHP.....	81
14. Peralatan pandang dengar; perakam dan pemain video, projektor slaid, projektor video, radio dan pemain kaset.....	83
15. Perkakasan; TV, projektor overhed, komputer peribadi, komputer dan multimedia.....	85
16. Kemudahan fizikal; kipas, hawa dingin, lampu dan plam 3 kaki.....	87
17. Keluasan ruang; sirkulasi, bacaan khas, bacaan majalah, ruang pameran.....	90

18. Keluasan ruang, memproses bahan, perbincangan dan bilik tayangan	93
19. Pandangan guru PSS terhadap piawaian asas. . . . .	95
20. Kelayakkan akademik responden . . . . .	97
21. Pusat sumber sekolah membantu P&P . . . . .	98
22. Pandangan guru terhadap pusat sumber sekolah..... . . . . .	98
23. Kekerapan guru mengunjungi PSS dalam seminggu..... . . . . .	99
24. Kekerapan guru datang ke PSS dalam satu semester .. . . . .	100
25. Hasil Kajian Keseluruhan Tahap Pencapaian Piawaian PSS. . . . .	106

#### SENARAI SINGKATAN

OHP =	PROJEKTOR OVERHED
PKG =	PUSAT KEGIATAN GURU
PSPN =	PUSAT SUMBER PENDIDIKAN NEGERI
PSS =	PUSAT SUMBER SEKOLAH
BTP =	BAHAGIAN TEKNOLOGI PENDIDIKAN

Abstrak projek yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi sebahagian syarat untuk mendapat Ijazah Master Sains

**TAHAP PENCAPAIAN PIAWAIAN ASAS PUSAT SUMBER BAGI SEKOLAH-SEKOLAH  
MENENGAH DAERAH GOMBAK: SATU TINJAUAN**

Oleh  
**ROSLINAH BINTI AB RAHMAN**  
**NOVEMBER 1997**

Penyelia : PROF. MADYA DR. NAIM HJ AHMAD

Fakulti : Fakulti Pengajian Pendidikan

Tinjauan ini bertujuan untuk mengenalpasti tentang (1) sejauh manakah tahap pencapaian piawaian asas pusat sumber bagi sekolah-sekolah menengah daerah Gombak; (2) apakah pandangan guru pusat sumber sekolah tentang piawaian asas pusat sumber sekolah; (3) melihat sikap guru terhadap penggunaan pusat sumber sekolah.

Tinjauan ini menggunakan alat kajian piawaian asas mengandungi dua set soalan. Temubual berstruktur dan pemerhatian dijalankan untuk menentukan ketepatan pengiraan dan pengukuran bahan , alatan dan juga ruang yang ada di pusat sumber sekolah. Bagi menentukan tahap pencapaian piawaian asas pusat sumber, sebanyak 5 buah pusat sumber sekolah di daerah

Gombak telah dipilih untuk dijadikan kajian dan seramai 5 orang guru pusat sumber yang menguruskannya menjadi respondennya. Seramai 60 orang guru telah ditemubual berstruktur untuk melihat sikap guru terhadap penggunaan pusat sumber sekolah. Data di analisa dengan bilangan, peratusan, min dan kekerapan.

Hasil kajian di dapati pusat sumber sekolah menengah di daerah Gombak belum lagi mencapai tahap piawaian asas dan masih 27.27 % di bawah piawaian asas. Kesemua guru PSS bersetuju tentang kepentingan piawaian asas dalam menguruskan pusat sumber. Sikap guru terhadap penggunaan pusat sumber sekolah masih rendah di mana terdapat 40% dari guru-guru tidak pernah mengunjungi PSS dalam tempoh satu semester.

## **ABSTRACT**

The objectives of this research are to determine (1) The degree of fulfillment on the basic standard set for higher secondary school in the district of Gombak. (2) The general opinion from resource center teachers on the basic standard set out for higher secondary school resource center. (3) To take a close view on the teacher actions on the use of school resource center

This study employs a standard measuring tool that consist two set of questionnaire for a structured interview and perception is done to ensure the accuracy of calculation and subject measurement, tools and space available in the school resource center. In determining the level of achievement on the above mentioned standard, 5 higher secondary schools in the district of Gombak have been chosen as a subject matter, and 5 teachers that manage the resource center become the respondent. Sixty teachers have been structuredly interviewed to monitor their reactions on the use of school resource center. Data is analyzed by count, percentage, mean and occurrence.

Result of the study confirms that resource center for higher secondary schools in the district of Gombak have yet to meet the basic standard set and are 27.27% under the basic standard. All the resource center teachers agree on the important of basic standard on managing resource center. Their reactions on the utilisation of school resource center

are still low ( weak) where 40% from the teachers have not even visit the school resource center for one whole semester.

## BAB I

### PENDAHULUAN

Pusat Sumber Sekolah (PSS) merupakan sebahagian daripada prasarana yang penting dalam konteks pembangunan sesebuah sekolah. Di awal penubuhannya, ia dianggap sebagai satu inovasi. Kini Pusat Sumber Sekolah (PSS) sudah pun diterima oleh para pendidik sebagai institusi kekal yang dapat membantu mempertingkatkan mutu pendidikan.

Dalam era Malaysia menuju negara industri , pendidikan merupakan tunjang utama yang dapat dipertanggungjawapkan bagi melaksanakan cita-cita dan hasrat murni negara ( Abdul Rahim, 1993). Penggunaan teknologi bagi menyampaikan pengajaran adalah pemangkin yang tidak dapat dinafikan lagi malah banyak kajian telah membuktikan bahawa ledakan teknologi dapat mempercepatkan lagi proses pemodenan lebih-lebih lagi dibidang pendidikan menuju wawasan 2020 ( Mahathir, 1991).

Penggunaan pusat sumber sekolah (PSS) dapat membantu mencapai matlamat Falsafah Pendidikan Negara. Melalui pendidikan diharapkan dapat melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan juga berkemahiran agar dapat membangunkan negara ( Abdul Rahman, 1989).

Dalam Reformasi Pendidikan juga telah ditekankan bertapa perlunya kemahiran berfikir dipupuk dikalangan pelajar. Pusat sumber dapat

berperanan merangsang minat pelajar menimba ilmu dan mengembangkan kemahiran berfikir mereka ( Wan Mohd Zahid, 1993).

## Latar Belakang Kajian

Pusat Sumber Pendidikan Negeri (PSPN) merupakan sebuah organisasi untuk guru dan oleh guru telah ditubuhkan pada tahun 1982. Antara tujuan utamanya ialah tempat para guru membina dan menghasilkan bahan-bahan pengajaran-pembelajaran, menerima segala bantuan dan latihan dalam perkhidmatan bagi meningkatkan kecekapan profesionalisme perguruan dan tempat para guru menggunakan dapatan-dapatan penyelidikan bagi memenuhi keperluan pendidikan (Naim, 1990; Halimah, 1993).


PSPN sebagai pusat kegiatan pendidikan yang berfungsi untuk memberi keyakinan, menolong dan membantu guru dalam menyediakan bahan-bahan pengajaran, berperanan menjadi pusat kegiatan kursus dalam perkhidmatan (KUDAP). Kursus-kursus yang dijalankan dapat membantu guru pusat sumber sekolah menguruskan pusat sumber masing-masing dengan lebih sempurna. Guru-guru juga boleh mendapatkan khidmat nasihat bantuan dan panduan untuk membina bahan-bahan kurikulum; tempat mendapat segala kemudahan penerbitan, penggunaan perkakasan dan perisian; tempat guru memperkembangkan daya kreatif, inovatif dan gubahcipta bahan-bahan keperluan mereka; tempat guru mendapat kemudahan perbengkelan, perpustakaan, seminar, bilik tayangan dan mini studio, dan tempat guru serta

pegawai pendidikan bergaul di peringkat negeri dan juga daerah ( Ahmad Jaffni & Ahmad Damanhuri ,1992).

Pusat Kegiatan Guru (PKG) secara rasmi ditubuhkan pada tahun 1986. Pusat ini dahulunya dikenali sebagai Pusat Sumber Pendidikan Daerah (PSPD) dan pada tahun 1990 Pusat Kegiatan Guru ini telah wujud di seluruh Malaysia. Sehingga kini terdapat 356 buah PKG di seluruh negara ( Naim ,1990). PKG adalah sebuah organisasi profesional bertujuan meningkatkan profesionalisma para guru dan pendidik dalam sesuatu daerah. Sebagai pusat aktiviti perguruan yang diurus oleh kalangan guru untuk memenuhi keperluan guru-guru setempat, PKG juga berperanan sebagai pusat pengumpulan maklumat di mana tiap-tiap sekolah dalam daerahnya dapat bertukar maklumat dan pinjam-meminjam bahan melalui maklumat yang ada di PKG ( Jamaldin , 1990).

Pusat sumber sekolah di negara ini mula berkembang pada lewat tahun 1970an. Awal tahun 1950an Kementerian Pelajaran telah menempatkan beberapa jenis alat pandang dengar di beberapa buah sekolah. Peranan utama PSS menyediakan peralatan dan bahan-bahan serta sumber-sumber untuk rujukan bagi kegunaan guru-guru dalam pengajaran. Bagi kemudahan pelajar PSS menyediakan pelbagai sumber rujukan , bahan pembelajaran, sumber maklumat dan juga memberi kemudahan pengenalan awal dalam penggunaan sistem pengelasan - suatu latihan dalam mengesan dan memilih ( Abdul Rahman , 1990).

Dengan ujudnya PSPN , PKG dan PSS ini maka rangkaian piramid pusat sumber pendidikan akan ujud sebagai institusi yang pasti dapat memperkuuh sistem pendidikan di negara ini



Piramid Pusat Sumber Pendidikan

Pada tahun 1996 telah dilancarkan pula Pusat Sumber Elektronik(PSE). Sebanyak 14 buah sekolah telah diterpilih menjadi perintis projek ini. Melalui sistem ini, setiap sekolah dibekalkan dengan rangkaian kawalan tempatan *Local Area Network* (LAN) yang mana peralatan termasuk membekalan 14 unit komputer peribadi (PC) yang disambung ke LAN di Bahagian Teknologi Pendidikan (BTP) dimana terdapat 24 komputer multimedia. Ia bertindak sebagai penghubung antara sekolah terbabit dan juga Internet melalui rangkaian perhubungan jauh menggunakan talian sewa data digital berkelajuan tinggi. Perisian lengkap ini membolehkan pembangunan dan perkembangan bank data mengenai maklumat semasa yang membolehkan pelajar mengakses pengetahuan mereka dengan mudah.

Perpustakaan yang memberi erti khazanah ilmu pengetahuan atau maklumat dalam bentuk buku dan bahan-bahan cetak dianggap tidak sesuai lagi. Kamus Dewan (1979) mengertikan perpustakaan sebagai bangunan atau bilik yang mengumpul atau menyimpan buku-buku untuk digunakan. Sementara sumber pula bererti asal mula punca. Dalam erti kata yang lebih luas lagi, sumber ialah segala punca bagi memperolehi sesuatu maklumat atau pengetahuan . Pusat Sumber Sekolah ialah suatu tempat di mana berlakunya segala kegiatan yang bermaksud untuk membantu mempertinggikan taraf profesionalisme keguruan. Konsep pusat sumber secara menyeluruh tidak dapat dilihat secara nyata, kerana ia wujud dalam jangka masa yang panjang melalui proses evolusi , terutama dari segi perkembangan idea dan kaedah (Ab. Rahman, 1989). Menurut Kassim (1989) konsep Pusat Sumber Sekolah yang baik hendaklah memenuhi aspek-aspek yang berikut:

- i) Kemudahan fizikal
- ii) Berbagai-bagai jenis maklumat (bercetak dan bukan bercetak)
- iii) Pengurusan yang teratur
- iv) Kakitangan media yang terlatih
- v) Kepelbagaian jenis perkhidmatan
- vi) Matlamat dan objektif

Ab Rahim (1992) berpendapat perpustakaan sumber ialah integrasi antara perpustakaan buku dengan perkhidmatan pandang dengar untuk menjadi satu unit yang bersepadu yang boleh membantu proses pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan lancar.

Melihat kepada pentingnya Pusat Sumber Sekolah dalam proses pengajaran dan pembelajaran, maka banyak peruntukan kewangan telah dibelanjakan untuk melengkapkan pusat sumber sekolah dan Pusat Kegiatan Guru dengan peralatan teknologi terkini. Dalam tahun 1990 sebanyak RM 119.6 ribu hingga RM 10 juta daripada pinjaman Bank Dunia telah digunakan untuk tujuan tersebut ( Faridah dan T.Subahan, 1993).

Kini terdapat sebanyak 4229 buah pusat sumber sekolah di seluruh negara dan lebih dari 356 buah pusat kegiatan guru yang melibatkan perbelanjaan kira-kira RM 80 juta daripada bantuan Bank Dunia.

Satu Projek ‘Menggalakkan Penggunaan Perpustakaan Sekolah’ (MPPS) telah juga dibuat oleh Unit Teknologi Pendidikan untuk jangka masa tiga tahun. Projek ini telah mendapat peruntukan belanja sebanyak RM 409 ribu untuk memberi bimbingan , latihan dan bantuan kewangan bagi 25 buah sekolah di luar bandar. Tujuan utama usaha ini adalah ke arah menggalakkan penggunaan pusat sumber sekolah ( Naim , 1991; Mat Jizat, 1995).

## **Pernyataan Masalah**

Terdapat pelbagai teori dan pandangan yang telah diajukan oleh para pendidik tentang kepentingan pendidikan berkualiti yang perlu dilaksanakan di sekolah Akta Pendidikan Negara dan Falsafah Pendidikan Negara menyarankan bahawa bentuk dan sasaran pendidikan negara adalah sebagai usaha berterusan ke arah memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepada untuk mengujudkan insan yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara ( Kementerian Pendidikan Malaysia, 1988)

Pusat Sumber Sekolah dianggap sebagai unit terpenting untuk menyokong dan membekalkan ilmu pengetahuan kepada masyarakat sekolah Mengabaikan Pusat Sumber Sekolah bermakna kita secara tidak langsung mengabaikan bahan dan sumber ilmu Mengabaikan sumber ilmu bermakna kita mengabaikan sumber pembelajaran dan seterusnya mengabaikan pendidikan ( Asiah, 1990, Abdul Rahim, 1992)

Piawaian merupakan garis panduan yang digunakan bagi memastikan sesuatu perkhidmatan atau barang yang diberikan bermutu dan bersesuaian Piawaian penting dalam pengurusan pusat sumber sekolah

Dalam membuat perancangan pusat sumber sekolah perkara penting yang perlu diambil perhatian oleh guru PSS tentang piawaian ialah ukuran piawaian yang berkaitan dengan luas ruang tertentu, luas lorong antara rak-rak buku, ruang bagi tiap-tiap tempat duduk, jumlah buku, majalah, akhbar, risalah, filem jalur, slaid, pita rakaman, bahan-bahan mikro dan glob yang sepatutnya dikumpul di dalam sesebuah pusat sumber sekolah untuk keberkesanan yang minimum ( Halimah, 1993)

Sehingga kini belum ada satu usaha dibuat untuk melihat tahap piawaian yang telah dicapai oleh pusat sumber sekolah di sekolah-sekolah menengah Daerah Gombak. Oleh itu tujuan utama dalam kajian ini ialah untuk melihat tahap pencapaian piawaian asas pusat sumber sekolah di sekolah-sekolah menengah Daerah Gombak, Negeri Selangor

Menurut Zohrah (1995) pusat sumber sekolah mempunyai peranan yang tersendiri dalam proses pengajaran-pembelajaran, ia penting di dalam memastikan pendidikan yang cemerlang dan berkualiti. Piawaian perlu dibuat bagi menentukan pusat sumber sekolah diurus dengan sempurna

## **Objektif Kajian**

Objektif kajian ini adalah:

1. Untuk melihat tahap pencapaian piawaian asas pusat sumber sekolah di sekolah-sekolah menengah daerah Gombak.
2. Untuk meninjau pandangan guru pusat sumber sekolah tentang piawaian asas pusat sumber sekolah.
3. Untuk melihat sikap guru terhadap penggunaan pusat sumber sekolah.

## **Persoalan Kajian**

Persoalan yang ingin dijawab dalam kajian ini ialah:

1. Adakah pusat sumber sekolah di daerah Gombak mencapai tahap piawaian asas?
2. Apakah pandangan guru-guru pusat sumber sekolah terhadap piawaian asas yang digunakan?
3. Bagaimanakah sikap guru-guru terhadap penggunaan pusat sumber sekolah?

## **Kepentingan Kajian**

Pusat sumber sekolah merupakan tempat rujukan para pelajar juga guru-guru setiap masa. Peranannya tidak dapat dinafikan lagi dalam dunia maklumat masa kini. Semua sekolah yang dibina mesti dilengkapi dengan pusat sumbernya. Kajian ini diharapkan dapat melihat perkembangan sebenar pusat sumber sekolah dewasa ini khususnya di Daerah Gombak. Guru pusat sumber yang terlibat secara langsung menguruskan pusat sumber tentu mengharapkan PSS yang lengkap dan dapat memberikan perkhidmatan yang sempurna kepada pelanggannya.. Diharapkan dapatan kajian ini:

1. Dapat digunakan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum dan Bahagian Teknologi Pendidikan untuk mengaturkan beberapa program bagi meningkatkan mutu dan imej PSS.
2. Dapat digunakan oleh Jabatan Pendidikan Negeri dan Pusat Sumber Pendidikan Negeri bagi merangka dan mengambil tindakan tertentu untuk memperbaiki pengurusan dan memajukan pusat sumber sekolah.
3. Dapat digunakan oleh guru penyelaras pusat sumber sekolah bagi mengurus dan mentadbir PSS dengan lebih berkesan dan seragam.
4. Dapat digunakan oleh Persatuan Perpustakaan Malaysia dan Persatuan Teknologi Pendidikan Malaysia untuk melihat dan menilai perkembangan PSS yang telah bertapak lebih 30 tahun dan

dapat membuat perancangan yang proaktif bagi membantu mempertingkatkan mutu perkhidmatan PSS

## **Batasan Kajian**

Kajian ini dijalankan ke atas lima buah sekolah menengah di Daerah Gombak yang mempunyai bilangan pelajar seramai 1,000 orang Menurut Zorah (1995) bilangan pelajar penting dalam penggunaan piawaian asas PSS

Dalam piawaian asas PSS walaupun 1,000 orang yang diperlukan, namun berdasarkan perangkaan yang diberikan oleh Zorah, pengiraan juga boleh dibuat pada bilangan yang kurang atau lebih daripada 1,000 orang pelajar Kajian hanya dijalankan di sekolah-sekolah menengah bantuan penuh kerajaan di Daerah Gombak di Negeri Selangor sahaja Sekolah- sekolah yang terlibat ialah,

- 1 Sekolah Menengah Hulu Klang
- 2 Sekolah Menengah Lembah Keramat
- 3 Sekolah Menengah Taman Melawati
- 4 Sekolah Menengah Selayang Baru
- 5 Sekolah Menengah Hill Crest

Seramai lima (5) orang guru pusat sumber sekolah daripada sekolah-sekolah berkenaan telah ditemubual untuk melihat tahap pencapaian piawaian asas pusat sumber di sekolah masing-masing

Kajian ini menggunakan piawaian asas PSS yang telah direkabentuk oleh Zorah (1995) melibatkan mengiraan dan pengukuran peralatan, bahan dan keluasan ruang pusat sumber sekolah yang meliputi:

- i) Koleksi bahan, meliputi buku, majalah, akhbar, risalah, kaset video, model, lutsinar, cakera padat dan multimedia.
- ii) Koleksi perabut termasuklah kerusi, meja, rak buku, karei, rak majalah, rak video, rak slaid, kaunter sirkulasi, troli slaid dan troli overhed beserta dengan saiz yang sesuai untuk pusat sumber sekolah
- iii) Peralatan pandang dengar termasuk perakam dan pemain video, projektor slaid, projektor video, radio dan pemain kaset, televisyen, projektor overhed, komputer peribadi dan komputer & multimedia.
- iv) Perkakasan kelengkapan pusat sumber seperti kipas, penghawa dingin, lampu kalimantang dan palam tiga kaki.
- v) Keluasaan ruang pusat sumber sekolah dimana ruang-ruang yang terlibat ialah, sirkulasi, bacaan khas, bacaan majalah, ruang pameran, memproses bahan, perbincangan, dan bilik tayangan.

Seramai enam puluh (60) orang guru dipilih secara rawak mudah ( setiap sekolah, dua belas orang guru ) untuk ditemubual bagi mengetahui sikap guru-guru terhadap penggunaan pusat sumber sekolah.

## **Definisi Operasional**

Terdapat beberapa istilah digunakan dalam kajian ini yang perlu dijelaskan.

### **Piawaian**

Spesifikasi teknikal atau dokumen yang digubal dan mendapat persetujuan pihak-pihak tertentu berdasarkan penemuan penyelidikan yang dijalankan secara saintifik, bagi tujuan untuk memperbaiki sesuatu keadaan atau menyelesaikan masalah yang kerap berlaku. Piawaian mengenai pusat sumber sekolah boleh dianggap sebagai garis panduan yang digunakan untuk memastikan perkhidmatan dan koleksi yang disediakan bermutu dan bersesuaian. Piawaian digunakan juga untuk menilai dan melihat akan arah perkembangan pusat sumber sekolah. Piawaian juga digunakan sebagai panduan untuk penubuhan pusat sumber baru serta memastikan keperluan-keperluan asas pusat sumber dipenuhi untuk kegunaan maksimum ( Halimah, 1993).

### **Piawaian Asas Pusat Sumber Sekolah.**

Piawaian asas adalah kriteria yang digunakan dan ditetapkan untuk kegunaan pusat sumber sekolah. Kajian ini menggunakan piawaian yang telah dicadangkan oleh Zorah (1995) dalam “Piawaian Asas Pusat Sumber Sekolah Negeri Selangor” seperti di bawah:

1. Koleksi Bahan dan Nisbah Pelajar: Bahan